

21/06/2003

Dr M yakin Eropah tidak ambil hati

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya negara Eropah tidak ambil hati dengan ucapannya pada Perhimpunan Agung Umno kelmarin yang menyentuh ancaman bangsa itu terhadap rakyat negara ini kerana yakin beliau menggunakan perkataan yang betul mengenai sifat mereka.

Perdana Menteri menjelaskan, beliau sekadar menyatakan perkara yang pernah dinyatakannya sebelum ini dan turut diperkatakan oleh orang lain.

Malah, katanya, bangsa Eropah juga melakukan perkara serupa apabila memperkatakan mengenai bangsa lain, tetapi perbuatan itu tidak pula dianggap satu kesalahan, sebaliknya kebebasan bersuara.

"Saya rasa orang lain juga memperkatakan perkara yang sama apabila mereka menggunakan perkataan orang asing atau orang itu atau kuasa besar... kerana apa yang dimaksudkan mereka ialah bangsa Eropah.

"Saya tidak rasa bangsa Eropah patut terasa hanya kerana saya menggunakan perkataan yang betul. Mereka juga menggunakan perkataan yang betul sejak dulu lagi apabila bercakap mengenai kita," katanya pada sidang

media selepas penangguhan Perhimpunan Agung Umno, petang semalam.

Agensi berita Reuters, dalam laporannya mengenai ucapan Mahathir mendakwa Perdana Menteri mengulangi slogan anti-Baratnya dengan menuduh bangsa Eropah kembali dengan perangai lama mahu menakluki dunia dan menyerang negara lain, dengan menjadikan peristiwa 11 September sebagai alasan.

Bagaimanapun, agensi itu mendakwa, hampir 80 peratus daripada 24 juta rakyat Malaysia yang dilahirkan selepas negara mendapat kemerdekaan daripada British pada 1957, sudah bosan mendengar isu lapuk yang sama diulangi Dr Mahathir.

Ketika mengimbas sejarah bangsa Eropah dalam ucapan dasarnya kelmarin, Perdana Menteri bagaimanapun dua kali menegaskan bahawa beliau bukan 'racist' atau anti orang Eropah tetapi sekadar mahu rakyat mengenali bangsa itu jika mahu berinteraksi dengan mereka.

Ditanya kemungkinan ekonomi negara juga akan terjejas kerana Britain dan Amerika Syarikat, negara berbangsa Eropah, adalah antara pelabur utama di negara ini, Perdana Menteri berkata beliau tidak fikir perkara itu akan berlaku.

"Walaupun mungkin ia berlaku, ia hanya untuk tempoh yang singkat," katanya.

Baru-baru ini, Washington menerusi Duta Besarnya ke sini, Marie T Huhtala, memberi amaran bahawa pelaburan dari negaranya mungkin terjejas jika pemimpin Malaysia terus membuat kenyataan keras terhadap Amerika.

Sementara itu, beberapa pemimpin Umno menegaskan pesanan Dr Mahathir akan terus relevan kepada semua pihak, termasuk generasi muda, selain boleh dijadikan panduan ke arah pembentukan masa depan negara yang lebih sempurna.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata tidak menghairankan jika ada pihak, termasuk media asing menidakkan atau cuba memperkecil-kecilkan pandangan Dr Mahathir.

"Memang mereka (media asing) tidak akan bersetuju dengan apa yang diperkatakan Dr Mahathir kerana segalanya menjurus kepada mendedahkan tembelang dan sejarah mereka (negara barat).

"Sudah sudah tentu mereka ingin memberitahu kepada generasi muda kita supaya jangan mendengar apa yang disampaikan oleh Dr Mahathir. Dr Mahathir cuma mendedahkan dan mengupas sejarah serta tindak-tanduk kuasa Barat yang sememangnya tidak disenangi pihak Barat," katanya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd Khir, berkata, kupasan dan imbasan sejarah oleh Dr Mahathir bertujuan menyedarkan semua pihak, khususnya generasi muda mengenai bahaya yang mungkin melanda jika negara tidak dipertahankan.

"Media asing tidak berhak menentukan apa yang relevan dan apa yang tidak untuk generasi muda kita. Kita perlu mengetahui sejarah untuk membentuk masa depan, jadi generasi muda seharusnya menginsafi pesanan Dr Mahathir itu," katanya.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) yang juga Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis berkata, sebagai Presiden parti, Dr Mahathir berhak mengimbas sejarah lampau untuk dijadikan pengajaran.

Beliau berkata, sejarah banyak memberi pengajaran kepada orang Melayu dan tidak salah Dr Mahathir mengambil sejarah Eropah dan Barat sebagai contoh untuk menyedarkan orang Melayu dan rakyat.